

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

MAIWP komited bela nasib wanita malang

12. Apr 2009

Sinar Harian

Selangor & KL

60000

0

Language MALAY

Page No S14

Article Size 323 cm2

Frequency Daily

Color One Spot Color

AdValue 1496.23



MAIWP komited bela nasib wanita malang

LORONG HAJI TAIB - Selaras dengan fungsinya untuk membela umat Islam di Wilayah Persekutuan dan memartabatkan sosio ekonomi ummah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Bahagian Baitulmal menghulurkan bantuan kepada Rumah Sinar Salam pada setiap tahun.

Pengurus Bahagian Baitulmal MAIWP, Dr. Muhammad Yamin Ismail berkata, bantuan itu adalah untuk membantu memberikan sinar kehidupan kepada golongan pekerja seks, penagih dadah dan penghidap HIV/Aids yang terlanjar di lorong serta bilik sempit di belakang bangunan sekitar kawasan Chow Kit.

Menurutnya, ianya juga diberikan untuk membela, memberikan harapan, memperkasa dan membantu golongan wanita di kawasan berkenaan mendapatkan perlindungan serta membina semula keyakinan diri mereka bagi membina kehidupan yang lebih baik.

"Pada tahun lalu, Baitulmal MAIWP menghulurkan bantuan kewangan sebanyak RM100,000 kepada Rumah Sinar Salam bagi membela nasib wanita malang ini," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Rumah Sinar Salam, di sini.

Dr. Muhammad Yamin berkata, sumbangan yang



● Dr Muhammad Yamin (dua dari kiri) bersama rombongan pelawat dan pihak pengurusan Rumah Sinar Salam.

diberikan itu diharap dapat membantu golongan terbahit mengorak langkah bagi memperbaiki kehidupan mereka dengan memupuk tabiat yang sihat dalam gaya hidup mereka.

Beliau juga berharap sumbangan itu akan menjadi contoh bagi peranan agensi agama dalam menarik dan menggalakan masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan dalam mengatasi masalah sosial.

Menurut beliau, projek Rumah Sinar Salam adalah usaha sama di antara MAIWP, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Yayasan Salam Malaysia (Salam) bersama

pengurusan rumah kebajikan itu.

Sementara itu, Pengetua Rumah Sinar Salam, Aidah Abdul Latif berkata, keganasan dan penderaan wujud dalam pelbagai bentuk dan wanita di Rumah Sinar Salam telah menempuh ranjau kehidupan yang ganas serta penuh dengan penderitaan.

Menurutnya, Rumah Sinar Salam dibuka pada bulan Disember 2007 untuk wanita yang ingin menjalani pemulihan dan kini rumah kebajikan itu mempunyai tujuh orang penghuni sepenuh masa serta 30 orang yang sering singgah untuk mendapatkan kaunseling serta bantuan.

"Kawasan Chow Kit dipilih kerana ia mempunyai reputasi yang kurang baik dan rumah perlindungan ini akan memberi manfaat kepada ramai insan yang kurang bemasib baik di kawasan ini," katanya.

Pada lawatan itu, rombongan Baitulmal MAIWP yang diketuai Dr. Muhammad Yamin meninjau dengan lebih dekat pelbagai aktiviti khusus untuk wanita kurang bemasib baik yang menjadikan lorong belakang di Jalan Chow Kit sebagai kediaman mereka.

Hadir sama, warga Uhiit Pembangunan Ummah, Baitulmal MAIWP, Ustaz Mohd Najib Ali dan Ustaz Kamarunnizam Mohd Shahimi.